

# Qalam

---

Bilangan 112 Jamadil Awal 1379 November 1959 60 Sen.

---

## Wang Loteri dengan Masjid

Mengenai wang hasil loteri untuk digunakan membina masjid dan lain-lain perkara yang mengenai agama Islam, telah pun menjadi perbincangan di antara ulama-ulama Islam di Semenanjung Tanah Melayu ini. Ada yang berpendapat membenarkannya (halal) dan ada yang mengatakan haram.

Di dalam perkara loteri ini, ada dua perkara yang mustahak kita selidiki: Yang pertama – mengadakan loteri, menjual dan membelinya; yang kedua mengambil hasil-hasilnya kerana loteri itu telah diadakan oleh am.

Di dalam mengadakan loteri, menjual dan membelinya serta mendapat hasil (menang ataupun kalahnya) tidak ada seorang pun ulama yang mengalalkannya<sup>1</sup> kerana mengadakan yang demikian itu tetap haramnya dan tetap tegahnya.

Tetapi mengambil hasil loteri yang diadakan oleh kerajaan atau satu badan yang dikelolakan oleh kerajaan yang membahagikan hasil-hasilnya kerana pekerjaan amal – maka ulama-ulama sekarang ada dua pendapatnya: Yang pertama mengharamkannya – berdasar kerana asal barang itu haram.

Lain pendapat pula mengatakan yang demikian itu boleh digunakan kerana ia datangnya daripada usaha kerajaan yang ada sekarang – yang hasil-hasilnya bercampur baur. Kalau sekiranya orang-orang Islam tidak mengambil peluang ini maka sudah barang tentu lain-lain agama akan mengambil hasilnya dan dengan itu menambah pula senjata orang lain yang bakal menikam kepada orang-orang Islam sendiri. Kerana itu mereka memandang daripada diberikan kepada orang lain dan menguatkan orang lain tidak salahnya kalau kita menuntut bahagian daripadanya.

Sebahagian besar orang-orang telah banyak memberi alasan membolehkan ini termasuk Mufti Johor, Tuan Syed

Alwi bin Tahir al-Hadad. Beliau ini biasa keras di dalam sesuatu perkara.

Tetapi tentang menggunakan wang hasil loteri itu untuk membina masjid, sama ada wang itu halal umpamanya maka banyak orang kurang senang perasaannya disebabkan membina tempat ibadat daripada wang yang bercampur itu bukanlah ia daripada suatu perkara yang dipandang takwa.

Masjid yang didirikan untuk tempat ibadat itu hendaklah diasaskan dengan takwa, bakti kepada Tuhan. Jadi mendirikan tempat ibadat daripada wang yang datangnya terang daripada perjudian – Ia tidak dicampur dengan usaha-usaha atau hasil-hasil kerajaan yang lain, kita berpendapat, tidaklah usaha itu sebagai suatu bakti. Kerana itu kita menyertai pendapat-pendapat yang mengatakan janganlah dibina sesebuah masjid yang tidak ada takwa padanya.

Hal ini lebih-lebih lagi kerana di mana-mana tempat masjid-masjid kita sememangnya banyak. Yang kurang hanyalah orang-orang yang menggunakan masjid itu sebagaimana yang telah pernah digunakan oleh Islam kerana bakti dan jihad mereka pada jalan Allah, yang dibuat dan dijalankan daripada masjid-masjid itu.

Terlanjur kita menulis mengenai masjid-masjid maka moleklah kita menarik perhatian sedikit tentang usaha hendak mendirikan Masjid Negara di Kuala Lumpur itu. Banyak orang tidak berkenan atas langkah mengambil hasil membinanya dengan sebahagian wangnya daripada hasil loteri. Alasan ini tepat.

Masjid ini hendak didirikan adalah dengan anjuran kerajaan Perikatan. Orang-orang merasa hairan mengapa mendirikan sebuah masjid untuk cogan Islam daripada sebuah negara yang merasmikan agama Islam itu untuknya diambil daripada wang loteri? Kalau sekiranya untuk Stadium<sup>2</sup> Merdeka, tempat beramai-ramai berkumpul boleh dibuat daripada wang negara maka mengapakah pula untuk sebuah Masjid Negara kerajaan tidak mau mengadakan peruntukannya lalu nampaknya menganjurkannya daripada wang hasil loteri?

Hal ini sangat didukacitakan. Yang mendukacitakan bahawa di masjid itulah terletak syiar Islam – maka seyogianya hendaklah diperuntukkan kerana itu wang negara sendiri – kalau sekiranya dipandang perlu masjid itu dibina untuk syiar negara apalagi ia telah pun dicadangkan

---

<sup>1</sup> Merujuk kepada 'menghalalkannya'

---

<sup>2</sup> Kesalahan teks. Sebetulnya 'Stadium'

sebagai Masjid Negara. Mudah-mudahan hal ini diperhatikan oleh ahli-ahli kerajaan terutamanya oleh wakil-wakil PAS.

Wakil-wakil PAS wajib membawa suatu *motion* supaya kerajaan mengadakan peruntukan kepada tempat syiar Islam di ibu kota itu.

### **Apa Dia Kebudayaan Melayu?**

Hampir dua tahun lamanya telah lalu Kongres Kebudayaan Melayu yang melahirkan bahawa “kebudayaan Melayu itu ialah kebudayaan yang tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam” telah berjalan. Sesudah keputusan itu diambil maka hingga hari ini kita tidak mendengar langsung apa-apa pun tentang apakah dia kebudayaan Melayu yang tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam itu. Bahkan sebaliknya di sana sini timbul pula suara baharu menghendaki supaya kebudayaan-kebudayaan yang ada sekarang dileburkan menjadi kebudayaan *Malayan* yang kononnya mustahak ditaja untuk menghapuskan perkara-perkara perkauman.

Telah hampir-hampir dua tahun pula ulama-ulama Islam senyap sunyi, tidak ada yang berani ke tengah memberi analisa terhadap kepada apa-apa kebudayaan yang dikatakan kebudayaan Melayu yang bertentangan dengan ajaran agama itu yang telah berjalan hingga hari ini!

Bahkan di sebalik itu pula timbul suatu unsur baharu dari Indonesia yang hendak membawa persoalan-persoalan kebudayaan ke Malaya yang berbau kehindu-hinduan untuk menguatkan lagi pengertian atau unsur kebudayaan Hindu yang telah berakar, sedikit sebanyaknya – di dalam kebudayaan-kebudayaan Melayu. Kerana tujuan-tujuan ini tidaklah kita hairan jika wakil-wakil kebudayaan Indonesia yang datang ke mari tempoh hari di dalam ucapan radionya, hampir-hampir tidak menyebut langsung tentang kebudayaan-kebudayaan yang berbau Islam di Indonesia. Yang diucapkannya hampir-hampir melulu kebudayaan-kebudayaan yang berbau kehindu-hinduan atau kebudayaan Jawa kuno yang banyak merupakan syirik mengikut pengertian dan ajaran Islam.

Melihat kepada kegemaran pemuda-pemuda kita, lekas terikut kepada perkara-perkara kebudayaan yang dibawa di luar daripada agama

Islam – dan melihat kepada asyiknya mereka dibawa oleh orang-orang kepada kebudayaan-kebudayaan melulu dengan tidak mengingat sempadan-sempadannya kepada pengajaran agama maka ulama Islam khususnya wajib memerhati hal ini dengan saksama dan wajib bagi mereka mengeluarkan pendapat-pendapat yang tegas untuk memperingatkan umat – apa dia kebudayaan-kebudayaan Melayu yang bertentangan dengan agama Islam.

Hal ini lebih tepat sekiranya kongres itu sendiri melantik suatu jawatankuasa yang menganalisa apa kebudayaan-kebudayaan Melayu yang bertentangan dengan agama – apa-apa kebudayaan yang bakal merosakkan kedudukan ekonomi orang-orang Melayu yang mustahak dikikis dan dihapuskan.

Mustahak diselidiki tentang adat istiadat berdatang sembah – apakah ia tidak bertentangan dengan ajaran Islam atau tidak setakat ini sahaja – adakah perbuatan itu boleh dipandang dengan suatu perbuatan yang membawa kepada syirik.

Perlu pula diselidiki tentang gendang nobat dan nafiri – adakah ia membawa syirik di dalam erti kebudayaan yang mengenai seni suara.

Juga patut diselidiki apakah seni-seni kata yang boleh mendatangkan syirik yang dilagu dan dilakonan oleh orang-orang kita.

Banyak lagi perkara-perkara yang mustahak dianalisa satu persatu untuk menapis apakah dia kebudayaan Melayu yang dasarnya tidak bertentangan dengan agama Islam?

Umat Islam wajib berhati-hati di dalam perkara ini! Umat Islam wajib cergas menghadapi segala gerak kebudayaan yang dengan perlahan-perlahan dan terkadang-kadang dengan mencurah-curah memasuki masyarakat kita – membawa pemuda pemudi kita leka. Umat Islam wajib berhati-hati dan ulama-ulama Islam wajib cergas.

Ulama-ulama dalam persatuan Islam jangan pula melupakan hal ini – jangan asyik hanya di dalam perkembangan siasah dengan tidak memerhati dan menyelidiki tujuan kebudayaan yang bakal meruntuhkan perdirian Islam kelak.